

20 FEB 1999

Abdullah - tahanan

KERAJAAN TIDAK PERNAH BERSIKAP TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN, KATA ABDULLAH

PULAU PINANG, 20 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan tidak pernah bersikap tidak berperikemanusiaan terhadap tahanan di negara ini.

Katanya, kerajaan memberikan layanan dan menyediakan kemudahan kepada mereka secara yang berpatutan.

"Ini kerana mereka yang berada dalam tahanan itu adalah orang yang melakukan pelbagai kesalahan, janganlah berharap mereka ditempatkan dan dilayan setaraf dengan layanan hotel tiga, empat atau lima bintang," katanya kepada pemberita selepas majlis kesyukuran anjuran Umno Bahagian Balik Pulau di Kompleks Tabung Haji Bayan Lepas di sini malam ini.

Yang turut hadir pada majlis kesyukuran itu ialah Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar, Anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri, pemimpin dan anggota-anggota Umno.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian sebagai mengulas laporan jawatankuasa Kesatuan Parlimen Antarabangsa (IPU) hari ini yang menggambarkan keadaan penjara di negara ini sebagai "kejam, tidak berperikemanusiaan dan tidak bermaruah (degrading)".

Laporan itu juga menyebut keadaan penjara di negara ini tidak menepati standard yang ditetapkan oleh Artikel 11 Peraturan Minimum Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), bagi layanan tahanan.

Laporan itu diserahkan kepada media hari ini oleh Naib Pengerusi DAP M. Kula Segaran.

Abdullah berkata, media asing juga turut melaporkan bahawa di negara-negara maju juga terdapat keadaan penjara yang lebih dahsyat berbanding negara ini.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak berniat membandingkan keadaan penjara di negara ini dengan negara-negara lain.

Katanya, beliau berminat untuk membaca lebih lanjut lagi mengenai laporan IPU itu, yang mengandungi pandangan-pandangan negatif berhubung keadaan penjara di negara ini.

Pada persidangan media itu, Abdullah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berkata, Badan Perhubungan Umno Negeri akan memainkan peranan penting dalam membantu dua bahagian Umno Sabah, iaitu Bandau dan Marudu dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

Katanya, Mohd Shariff yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri akan mengetuai delegasi Umno Negeri ke Sabah untuk tujuan itu.

Abdullah juga berkata, mesyuarat Badan Perhubungan yang diadakan pada petang ini juga turut membincangkan mengenai lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negeri ini pada 1 dan 2 April ini.

Katanya, pelbagai program akan diatur bagi memberikan kesempatan kepada Perdana Menteri menemui rakyat negeri ini untuk berucap dan menerangkan beberapa isu berkaitan dasar-dasar kerajaan yang sedang dilaksanakan.

-- BERNAMA

SA RI